

30/12/2001

Pembangkang hanya tahu buat fitnah: PM

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan pembangkang di Malaysia hanya tahu melempar fitnah dan menanam perasaan benci terhadap pemimpin dan kerajaan.

Perdana Menteri berkata jika tidak ada angkara ciptaan parti lawan, negara akan aman dan tumpuan boleh diberikan sepenuhnya kepada pembangunan negara dan perimbangan pembangunan antara kaum.

"Kita bukan tidak mahu ada pembangkang. Mereka penting untuk menegur kerajaan apabila kerajaan terlalu yakin dan membuat perkara yang salah.

"Tetapi pembangkang di Malaysia tidak menegur, hanya melempar fitnah dan menyemai kebencian yang tidak berasas terhadap pemimpin dan parti kerajaan," katanya ketika berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk Malaysia ke-48 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden Umno berkata, cubaan pembangkang untuk mendirikan barisan tiruan sudah dibuat dua kali, dengan yang pertama gagal dan percubaan kedua juga sedang berpecah.

Pada masa yang sama, beliau turut meminta parti lawan membuat pendirian jelas supaya rakyat dapat mengetahui siapa mereka.

Dr Mahathir turut menyindir Keadilan dengan mengucapkan tahniah kepada parti itu yang mendakwa ia bukan parti Melayu.

"Ini tentu menguntungkan Keadilan kerana tidak bertanggungjawab mempertahankan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan yang melindungi hak orang Melayu. Umno tidak perlu kepada sokongan oportunist (golongan yang mengambil peluang) untuk mempertahankan hak orang Melayu," katanya.

Bagi Pas pula, Dr Mahathir berkata, parti itu masih mendakwa matlamatnya ialah untuk mendirikan negara Islam.

Sehubungan itu, beliau meminta Pas menjelaskan bentuk negara Islam Pas kerana mendakwa akan menjelaskan konsep itu selepas Pas memenangi pilihan raya, bermakna Pas ingin menipu pengundi dan memerangkap mereka dengan bayangan kosong.

Dr Mahathir berkata, negara sudah mewujudkan kerjasama antara kaum yang unik, dan sistem berkongsi kuasa antara kaum dan parti, perlu dikekalkan tidak kira apa juga cabaran yang dihadapi.

Sehubungan itu, beliau berkata, setiap parti komponen BN perlu sedar bahawa mereka mesti sanggup mengorbankan kepentingan masing-masing supaya kepentingan bersama dapat dicapai.

"Janganlah sesiapa mengutamakan diri sendiri sehingga perpaduan parti menjadi retak. Jika kita kalah kita mesti sanggup undur diri secara terhormat. Kekecewaan kita adalah tidak sepenting kejayaan parti.

"Walaupun BN adalah parti campuran tetapi kita berfungsi sebagai parti bersatu. Kita tidak mencabar sesama kita. Walaupun tidak mendapat apa yang kita tuntutan, kita tidak boleh kecewa dengan mengancam kestabilan dan perpaduan dalam parti serta antara parti," katanya.

Katanya, mandat panjang yang diberikan kepada Perikatan dan BN hari ini membuat rakyat dapat melihat hasil dasar-dasar yang dilaksanakan dengan pendapatan per kapita kini hampir AS\$4,000 berbanding AS\$300 pada 1957.

Di samping itu, Perdana Menteri turut menyentuh soal globalisasi, cubaan mengaitkan Malaysia dengan penyebaran kuman antraks ekoran serangan terhadap Amerika Syarikat 11 Sept lalu, dan dakwaan berlakunya pembaziran wang.

Dr Mahathir berkata, hanya orang buta akal yang masih menuduh kerajaan

membazirkan wang kerana sebenarnya negara mempunyai kedudukan kewangan yang kemas.

"Kita mampu menambah perbelanjaan pembangunan, membayar bonus dan menaikkan gaji. Tidak mungkin kita boleh berbuat demikian jika kita boros dan menghabiskan duit rakyat dengan sia-sia," katanya.

Beliau berkata, abad ke-21 ini memperlihatkan lebih banyak ketidakadilan dan kebengisan mereka yang kaya dan kuat, berbanding sebelumnya.

"Tidak ada gunanya kita menjerit `kejam' kerana tidak ada siapa yang akan dengar dan tolong kita. Sejak zaman batu `yang kuat itu betul' dan hari ini pun `yang kuat itu masih betul'. Jika kita ingin menyelamatkan diri kita, kitalah yang perlu berusaha," katanya.

(END)